

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN COB PBT TAHUN 2012

Perkara	Muka Surat
Kata –Kata Aluan	iii
Senarai Jadual	vi
Akronim dan Terminologi	viii
Keterangan Indikator Utama	ix
Latar Belakang	1
Objektif	1
Prestasi Pencapaian Pesuruhjaya Bangunan Kategori 1	1
Prestasi Pencapaian Pesuruhjaya Bangunan Kategori 2	5
Prestasi Pencapaian Pesuruhjaya Bangunan Kategori 3	9
Prestasi Pencapaian Pesuruhjaya Bangunan Kategori 4	12
Program Bahagian COB Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2012	13
<ul style="list-style-type: none">• Pengumpulan Data / Maklumat Berkaitan Pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]• Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 (RUUPS 2012) bagi menggantikan Akta 663• Deraf Peraturan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012• Pengurusan Aduan Berkaitan Akta 663 di Peringkat Kementerian• Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata COB PBT• Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)	
Lampiran	21

Kata-kata Aluan



**KATA-KATA ALUAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Satu Malaysia

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Buku Laporan Tahunan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bagi Tahun 2012 ini dapat diterbitkan.

Sebagai pihak yang telah dipertanggungjawabkan ke atas penguatkuasaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663], saya percaya pihak Pesuruhjaya Bangunan yang terdiri daripada Datuk Bandar dan Yang DiPertua (YDP) PBT telah berusaha menjalankan peranan mereka dengan berkesan ke arah mencapai visi yang ditetapkan iaitu semua bangunan berstrata diuruskan dengan sempurna agar penghuninya dapat menikmati kualiti hidup yang tinggi.

Objektif Penerbitan buku laporan ini adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat perangkaan kepada pelbagai pihak mengenai beberapa indikator yang telah dikenalpasti seperti bilangan JMB/MC yang ditubuhkan di setiap COB PBT, bilangan aduan, tindakan penguatkuasaan dan indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata (star rating). Indikator ini adalah penting sebagai petunjuk kepada pelaksanaan Akta 663 di peringkat COB PBT. Selain itu, laporan tahunan ini juga memaparkan aktiviti-aktiviti pengurusan dan penyenggaraan bangunan berstrata di Malaysia yang memberi nilai tambah kepada pelaksanaan Akta 663 oleh Pesuruhjaya Bangunan di semua PBT.

Akhir kata, moga usaha penerbitan Laporan Tahunan COB, PBT ini akan dapat diteruskan untuk tahun yang mendatang kerana ianya merupakan satu bentuk pengkalan data yang penting di dalam membantu semua pihak terbabit merancang dan merangka tindakan penambahbaikan di dalam pengurusan bangunan berstrata di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

YBHG. DATO' DR MOHD PADZIL BIN HASHIM

Kata-kata Aluan



KATA-KATA ALUAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Laporan Tahunan COB PBT Bagi Tahun 2012 dapat diterbitkan dengan jayanya. Penerbitan buku laporan ini merupakan usaha Jabatan Perumahan Negara dalam memberi gambaran status pengurusan bangunan berstrata di negara ini berasaskan kepada data-data pelaksanaan yang diperolehi daripada Pejabat Pesuruhjaya Bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan.

Tahap pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] akan dapat dilihat pencapaiannya. Selain dari itu, data dan statistik yang telah disampaikan dalam laporan tahunan ini juga dapat membantu jabatan ini dalam merancang dan membuat penambahbaikan kepada Akta 663, menyusun semula struktur organisasi COB PBT dan mewujudkan sistem e-COB yang akan dapat membantu melancarkan tugas Pesuruhjaya Bangunan apabila dilaksanakan nanti.

Harapan saya semua pegawai dan kakitangan di COB JPN dan COB PBT sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat khususnya kepada penghuni bangunan berstrata dapat dibanggakan di samping jalinan kerjasama yang erat antara JPN dan COB PBT.

Kesempatan ini juga saya ambil untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Pesuruhjaya Bangunan yang telah memberikan kerjasama dalam melaksanakan Akta 663. Ucapan tahniah juga kepada Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan, JPN, KPKT di atas usaha penerbitan laporan ini.

Sekian. Terima kasih.

YBHG. DATUK MOHAMAD YUSOFF BIN GHAZALI

Kata-kata Aluan

KATA-KATA ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PENYELARASAN PESURUHJAYA BANGUNAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Satu Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim. Saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas keizinanNya dapat juga Buku Laporan Tahunan 2012 COB PBT diterbitkan. Tujuan Laporan Tahunan COB PBT 2012 ini dikeluarkan adalah sebagai rumusan ringkas dan penting untuk menilai pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyenggaraan) 2007 (Akta 663) oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Secara keseluruhannya, laporan ini menilai empat indikator iaitu penubuhan JMB/MC, pengurusan aduan, penguatkuasaan dan penilaian kualiti pengurusan Star Rating. Empat indikator ini adalah sebagai satu petunjuk pencapaian kepada setiap COB dalam memantau pelaksanaan Akta 663. Perlu diingatkan, cabaran yang lebih besar terutamanya bagi COB PBT adalah bagi memastikan indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata (star rating) di semua kawasan pemajuan mencapai tahap 3 bintang dan ke atas.

Laporan COB PBT 2012 turut memasukkan unsur penambahbaikan seperti memasukkan aktiviti yang dijalankan oleh COB JPN sepanjang tahun 2012. Aktiviti tersebut dijalankan sebagai menyokong dan melengkapi pelaksanaan yang dijalankan di peringkat PBT. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti penyediaan Rang Undang-Undang Strata 2012, Seminar COB dan juga Pogram Penyenggaraan Perumahan (PPP) untuk perumahan kos rendah berstrata.

Laporan ini diharap dapat menjadi sumber rujukan kepada pihak berkepentingan terutamanya COB PBT dalam merangka strategi dan pelan tindakan serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhimatan COB PBT kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

MOHAMMAD RIDZWAN BIN ABIDIN

SENARAI JADUAL

			Muka Surat
Lampiran 1	Jadual 1	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 1.	21
	Jadual 2	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 1.	
Lampiran 2	Jadual 3	Keterangan Jenis Kesalahan Mengikut Seksyen Yang Diperuntukkan dalam Akta 663	22
Lampiran 3	Jadual 4	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 1.	23
Lampiran 4	Jadual 5	Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 1.	24
Lampiran 5	Jadual 6	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 2.	25
	Jadual 7	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 2.	
Lampiran 6	Jadual 8	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 2.	26
Lampiran 7	Jadual 9	Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 2.	27
Lampiran 8	Jadual 10	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 3.	28
Lampiran 9	Jadual 11	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 3.	29
Lampiran 10	Jadual 12	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 3.	30
Lampiran 11	Jadual 13	Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 3.	31

			Muka Surat
Lampiran 12	Jadual 14	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding Bilangan Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 4.	32
Lampiran 13	Jadual 15	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 4.	33
Lampiran 14	Jadual 16	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 4.	36
Lampiran 15	Jadual 17	Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap Kawasan Pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 4.	39
Lampiran 16	Jadual 18	Bilangan Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata Mengikut Negeri Tahun 2012	41
Lampiran 17	Jadual 19	Program Penyenggaraan Perumahan Tahun 2012	42

AKRONIM DAN TERMINOLOGI

No.	Akronim	Definisi
1	COB	Commisioner of Buliding (Pesuruhjaya Bangunan)
2.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
3.	COB Kategori 1	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
4.	COB Kategori 2	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 10,000 petak dan kurang daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
5.	COB Kategori 3	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 3,000 petak tetapi kurang daripada 10,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
6.	COB Kategori 4	Kawasan yang mempunyai bilangan petak kurang daripada 3,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
7.	Kawasan Pemajuan	Mana-mana tanah beri hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik muktamad (sama ada hakmilik Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah) yang di atasnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada petak dibina atau sedang dalam pembinaan.

KETERANGAN INDIKATOR UTAMA

Empat (4) indikator utama telah dikenalpasti untuk memberi gambaran menyeluruh tentang tahap pelaksanaan Akta 663 oleh COB di PBT. Empat indikator tersebut adalah:-

i) Bilangan dan jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding Bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut.

Keterangan Indikator: Bilangan JMB dan MC ini merupakan salah satu petunjuk yang paling utama dalam pelaksanaan akta ini. Ianya selaras dengan tujuan akta ini diwujudkan iaitu memberi peluang kepada setiap penghuni bangunan berstrata kebebasan sepenuhnya untuk mengurus dan menyenggara bangunan tersebut melalui wakil mereka yang dipilih melalui mesyuarat agung. Oleh yang demikian, bilangan dan peratusan bilangan JMB/MC ditubuhkan akan menggambarkan sejauh mana pencapaian matlamat akta ini iaitu penglibatan pembeli/pemilik dalam menguruskan bangunan milik mereka secara kolektif.

ii) Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT.

Keterangan Indikator: Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB PBT bertujuan untuk mengenalpasti jenis isu dan kekerapannya dengan lebih tepat. Selain daripada itu juga ianya dapat membantu COB merangka strategi dan pelan tindakan yang lebih menepati kepada keperluan pelanggan iaitu Pesuruhjaya Bangunan, penghuni, JMB/MC atau pemaju dan sebagainya. Sebagai contoh: Strategi yang boleh dirangka adalah seperti pendekatan pendidikan, penguatkuasaan, dan sebagainya mengikut keperluan golongan sasaran yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pengurusan bangunan berstrata.

iii) Bilangan dan Jenis tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT.

Keterangan indikator: Bilangan dan jenis penguatkuasaan ini amat penting dalam menunjukkan tahap keseriusan Pesuruhjaya Bangunan dalam memastikan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh COB dipandang serius dan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang terbabit. Kegagalan dalam mengambil tindakan penguatkuasaan memberi gambaran bahawa COB tidak mengambil serius pelaksanaan akta ini.

iv) Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan.

Keterangan Indikator: Visi Pesuruhjaya Bangunan adalah memastikan setiap kawasan pemajuan mempunyai pihak pengurusan yang berkualiti. Visi ini selaras dengan visi KPKT dan JPN yang mahu memastikan setiap rakyat menikmati kualiti hidup yang baik dan menikmati perumahan yang baik dan berkualiti. Satu borang penilaian "star rating" telah disediakan oleh Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan, JPN untuk dilaksanakan oleh setiap COB PBT. Kualiti pihak pengurusan ini dinilai melalui jumlah bintang (1-5 bintang) yang didapati oleh mereka. Semakin

banyak bintang maka ianya memberi gambaran tahap pengurusan sesebuah kawasan pemajuan tersebut adalah bertambah baik. Oleh itu, adalah amat penting bagi setiap kawasan PBT memastikan bahawa kebanyakan kawasan pemajuan yang mempunyai pihak pengurusan yang mendapat jumlah bintang yang banyak kerana ianya menggambarkan kualiti pengurusan mereka. Seterusnya ia boleh dikaitkan dengan kualiti kehidupan penghuni dan kualiti perumahan yang dinikmati oleh mereka.

LATAR BELAKANG

Laporan Tahunan COB PBT 2012 ini merupakan satu rumusan ringkas tetapi amat penting untuk menilai pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyenggaraan) 2007 [Akta 663] oleh Pesuruhjaya Bangunan/”Commissioner of Building” (COB) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan sepanjang tahun 2012.

Empat (4) indikator telah dikenalpasti dan diambilkira dalam laporan ini adalah berdasarkan statistik yang telah diminta oleh Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelaraskan pelaksanaan Akta 663 tersebut.

Selain daripada itu juga, laporan ini turut memaklumkan beberapa aktiviti yang dilaksanakan dan diselaras oleh Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Jabatan Perumahan Negara. Aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan sebagai memenuhi keperluan strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi melengkapkan tindakan operasi COB di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

OBJEKTIF

KPKT telah menggariskan visi kearah kehidupan yang berkualiti kepada setiap penduduk negara ini. Menyedari bahawa kualiti pengurusan bangunan berstrata mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan kualiti kehidupan di rumah pangsa, Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan telah menggariskan visi bahawa semua bangunan berstrata mesti mempunyai pihak pengurusan yang berkualiti agar semua penghuni bangunan berstrata dapat menikmati kualiti hidup yang tinggi.

Oleh itu objektif laporan tahunan ini adalah untuk:-

- i) Mendapatkan gambaran menyeluruh aspek pelaksanaan, penguatkuasaan, perkhidmatan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang/menghalang kearah pelaksanaan Akta 663 tersebut.
- iii) Digunakan sebagai panduan dalam membuat strategi dan pelan tindakan di peringkat COB PBT bagi meningkatkan pelaksanaan.


PRESTASI PENCAPAIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KATEGORI 1

Indikator pertama [bilangan pihak pengurusan (JMB/MC)]telah memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan COB Kategori 1 telah mencapai 6,751(55%) dalam penubuhan JMB/MC daripada sejumlah keseluruhan 12,307 kawasan pemajuan sehingga 31 Disember 2012. Walaubagaimanapun masih terdapat kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC dan pencapaian ini dianggap kurang memuaskan kerana masih banyak lagi kawasan yang tidak menubuhkan JMB/MC. Pegawai COB Kategori 1 perlu meningkatkan usaha dan mencari jalan bagaimana untuk memberi kesedaran dan


kefahaman kepada orang ramai tentang kepentingan menubuhkan JMB/MC di kawasan pemajuan mereka.

Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 1 adalah seperti di Jadual 1 (Lampiran 1)

Rajah 1: Bilangan dan Peratusan Pihak Pengurusan yang terdapat dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur




Rajah 2: Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 1 (kecuali DBKL)




Indikator kedua (jumlah aduan) pula memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 1 telah menerima aduan berjumlah 12,756 (64.37%) daripada keseluruhan aduan yang diterima daripada seluruh negara (sehingga 31 Disember 2012). Ini menunjukkan pola penurunan ketara pada jumlah aduan yang diterima oleh COB Kategori 1 di mana bilangan aduan yang diterima sepanjang tahun 2011 adalah sebanyak 15,262. Ini menunjukkan keberkesanan COB Kategori 1 dalam menangani isu dan masalah yang dihadapi oleh penghuni bangunan berstrata terbukti dengan penurunan bilangan aduan yang diterima. Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 2 (Lampiran 1)

Rajah 3 : Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 1




Indikator ketiga (tindakan penguatkuasaan) menunjukkan gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 1 tidak melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2012, hanya sejumlah 191 tindakan penguatkuasaan sahaja yang dijalankan berbanding jumlah kawasan pemajuan yang berjumlah 12,307. Ini menggambarkan strategi penguatkuasaan COB PBT Kategori 1 perlu dipertingkatkan lagi agar keberkesanan Akta 663 dapat dilihat oleh semua pihak terutamanya penghuni rumah bertingkat dan seterusnya dapat meningkatkan imej kerajaan di mata rakyat. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 4 (Lampiran 3)

Rajah 4 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 1




Indikator keempat (indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata) pula memberi gambaran sangat tidak memuaskan. Daripada sejumlah 12,307 kawasan pemajuan dalam Kategori 1, hanya 4,906(39.9%) kawasan pemajuan yang dinilai. Ini menggambarkan tahap komitmen Pesuruhjaya Bangunan yang sangat tidak memuaskan dalam menentukan tahap kualiti pengurusan yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan. Oleh itu masih terdapat 7,401(60.1%) kawasan pemajuan yang perlu diberi penilaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata oleh Pesuruhjaya Bangunan. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 5 (Lampiran 4)

Rajah 5 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur




Rajah 6 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 1 (kecuali DBKL)



PRESTASI PENCAPAIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KATEGORI 2


Indikator pertama [bilangan pihak pengurusan (JMB/MC)] telah memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan COB Kategori 2 telah mencapai 885(50.48%) dalam penubuhan JMB/MC. Ini bermakna masih terdapat 868(49.52%) kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC. Pencapaian ini dianggap kurang memuaskan kerana masih banyak lagi kawasan yang tidak menubuhkan JMB/MC. Pegawai COB Kategori 2 perlu meningkatkan usaha dan mencari jalan bagaimana untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai tentang kepentingan menubuhkan JMB/MC di kawasan pemajuan mereka. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 2 adalah seperti di Jadual 6 (Lampiran 5)

Rajah 7 : Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 2




Indikator kedua (jumlah aduan) pula memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 2 telah menerima aduan berjumlah 5,496(27.74%) daripada keseluruhan aduan yang diterima daripada seluruh negara. Ini memberi gambaran bahawa banyak isu yang perlu diberi perhatian dan diselesaikan oleh Pesuruhjaya Bangunan Kategori 2. Pada masa yang sama ia juga menunjukkan tahap kesedaran yang semakin meningkat di kalangan golongan sasaran. Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 7 (Lampiran 5)

Rajah 8 : Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 2




Indikator ketiga (tindakan penguatkuasaan) menunjukkan gambaran bahawa Pesuruhjaya Binaan Kategori 2 tidak melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2012 hanya sejumlah 32 tindakan penguatkuasaan sahaja yang dijalankan berbanding jumlah kawasan pemajuan yang berjumlah 1,753. Tahap penguatkuasaan yang diambil pula hanyalah setakat pengeluaran surat dan notis. Sehingga setakat ini tiada tindakan penguatkuasaan secara fizikal dan perundangan yang diambil oleh Pesuruhjaya Binaan di PBT. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 8 (Lampiran 6)

Rajah 9 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 2



Indikator keempat (indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata) pula memberi gambaran yang agak memuaskan. Pertama, semua Pesuruhjaya Bangunan di PBT kategori 2 memberikan maklumbalas sebagaimana yang diperlukan. Prestasi indikator indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata bagi kawasan pemajuan di COB kategori 2 boleh dipuji memadamkan sebanyak 1,692(96.5%) daripada keseluruhan kawasan pemajuan (1,753) telah berjaya dinilai. Ini menunjukkan satu komitmen dan keprihatinan yang tinggi pegawai COB kategori 2 dalam memastikan kualiti pengurusan kawasan pemajuan sentiasa dinilai untuk menjamin keberkesanan pihak pengurusan menguruskan sesebuah kawasan pemajuan. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 9 (Lampiran 7)


Rajah 10 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 2



PRESTASI PENCAPAIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KATEGORI 3


Indikator pertama [bilangan pihak pengurusan (JMB/MC)] telah memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan COB Kategori 3 telah mencapai 284(37.82%) dalam penubuhan JMB/MC. Ini bermakna masih terdapat 467(62.18%) kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC. Pencapaian ini dianggap kurang memuaskan memandangkan pencapaian adalah di bawah 50% sebagaimana yang disasarkan. Pegawai COB Kategori 3 perlu meningkatkan usaha dan mencari jalan bagaimana untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai tentang kepentingan menubuhkan JMB/MC di kawasan pemajuan mereka. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 3 adalah seperti di Jadual 10 (Lampiran 8)

Rajah 11 : Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 3




Indikator kedua (jumlah aduan) pula memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 3 telah menerima aduan berjumlah 1,158(5.84%) daripada keseluruhan aduan yang diterima daripada seluruh negara. Ini memberi gambaran bahawa tidak terlalu banyak isu yang perlu diberi perhatian dan diselesaikan oleh Pesuruhjaya Bangunan Kategori 3. Pada masa yang sama ia juga menunjukkan tahap kesedaran yang semakin meningkat di kalangan golongan sasaran. Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 11 (Lampiran 9)

Rajah 12 : Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 3




Indikator ketiga (tindakan penguatkuasaan) menunjukkan gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 3 masih perlu melaksanakan tindakan penguatkuasaan walaupun sebanyak 43 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan sehingga 31 Disember 2012. Ini kerana tiada tindakan penguatkuasaan secara fizikal yang dibuat oleh Pesuruhjaya Bangunan di PBT melainkan dengan hanya tindakan menghantar notis dan surat peringatan. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 12 (Lampiran 10)

Rajah 13 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 3



Indikator keempat (indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata) pula memberi gambaran yang agak memuaskan. Semua Pesuruhjaya Bangunan di PBT kategori 3 yang berjaya memberikan maklumbalas sebagaimana yang diperlukan. Hasilnya, 483(64.3%) kawasan pemajuan telah berjaya dinilai. Ini menunjukkan komitmen dan keprihatinan yang tinggi pegawai COB kategori 3 dalam memastikan kualiti pengurusan kawasan pemajuan sentiasa dinilai untuk menjamin keberkesanan pihak pengurusan menguruskan sesebuah kawasan pemajuan. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 13 (Lampiran 11).

Rajah 14 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 3



PRESTASI PENCAPAIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KATEGORI 4

Indikator pertama (penubuhan JMB/MC) telah memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan COB Kategori 4 telah mencapai 268(38.73%) dalam penubuhan JMB/MC. Ini bermakna masih terdapat 424(61.27%) kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC. Pencapaian ini dianggap kurang memuaskan memandangkan pencapaian adalah di bawah 50% sebagaimana yang disasarkan. Pegawai COB Kategori 4 perlu meningkatkan usaha dan mencari jalan bagaimana untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai tentang kepentingan menubuhkan JMB/MC di kawasan pemajuan mereka. Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 4 adalah seperti di Jadual 14 (Lampiran 12)

Indikator kedua (jumlah aduan) pula memberi gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 4 telah menerima aduan berjumlah 406(2.05%) daripada keseluruhan aduan yang diterima daripada seluruh negara. Ini memberi gambaran bahawa hanya sedikit isu yang perlu diberi perhatian dan diselesaikan oleh Pesuruhjaya Bangunan Kategori 4.

Pada masa yang sama ia juga menunjukkan tahap kesedaran yang semakin meningkat di kalangan golongan sasaran. Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 4 adalah seperti di Jadual 15 (Lampiran 13)

Indikator ketiga (tindakan penguatkuasaan) menunjukkan gambaran bahawa Pesuruhjaya Bangunan Kategori 4 masih perlu melaksanakan tindakan penguatkuasaan walaupun sebanyak 47 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan dalam tempoh sehingga 31 Disember 2012. Ini kerana tiada tindakan penguatkuasaan secara fizikal yang dibuat oleh Pesuruhjaya Bangunan di PBT melainkan dengan hanya tindakan menghantar notis dan surat peringatan. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 4 adalah seperti di Jadual 16 (Lampiran 14)

Indikator keempat (indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata) pula memberigambaran yang agak memuaskan. Hampir kesemua Pesuruhjaya Bangunan di PBT kategori 4 yang berjaya memberikan maklumbalas sebagaimana yang diperlukan. Hasilnya, 557 (80.5%) kawasan pemajuan telah berjaya dinilai. Ini menunjukkan komitmen dan keprihatinan yang tinggi pegawai COB kategori 4 dalam memastikan kualiti pengurusan kawasan pemajuan sentiasa dinilai untuk menjamin keberkesanan pihak pengurusan menguruskan sesebuah kawasan pemajuan. Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 4 adalah seperti di Jadual 17 (Lampiran 15)

PROGRAM-PROGRAM BAHAGIAN PENYELARASAN PESURUHJAYA BANGUNAN, JABATAN PERUMAHAN NEGARA YANG TELAH DILAKSANAKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012.

Usaha-usaha penambahbaikan dan pengukuhan operasi COB di PBT disokong melalui strategi dan program yang dilaksanakan oleh Bahagian COB, JPN. Bahagian ini telah memfokuskan kepada strategi jangka masa panjang, sederhana dan pendek melalui perancangan program dan tindakan yang dapat meningkatkan kualiti pengurusan di bangunan berstrata seluruh negara. Bagi mencapai hasrat tersebut, pada tahun 2012, beberapa program dan tindakan telah dirancang dan dilaksanakan. Program dan tindakan tersebut adalah:

a) Pengumpulan Data / Maklumat Berkaitan Pelaksanaan Akta 663

Terdapat beberapa jenis maklumat yang dikumpul oleh Bahagian COB, JPN. Walaubagaimanapun, maklumat berkaitan penubuhan JMB/MC ini dikutip sebagai salah satu indikator utama pelaksanaan Akta 663 oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 8,188 daripada jumlah keseluruhan 15,503 kawasan pemajuan berstrata telah menubuhkan JMB / MC.

b) Pengenalan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 (RUUPS 2012) bagi menggantikan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]

D.R. 32/2012
RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN STRATA 2012

SUSUNAN FASAL

BAGIAN I
PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Penfistran Akta

BAGIAN II
PENTABIRAN AKTA

4. Pstntikan Pesuruhjaya Bangunan, timbalan dan pegawai lain

BAGIAN III
URUSAN DI DALAM BANGUNAN ATAU TANAH YANG DICADANGKAN
UNTUK DIPICAI BAHAGI KEPADA PITAK PITAK

5. Pemakaian Bahagian ini
6. Jadual petak bendaluar ditafikan dengan Penuruhjaya sebelum penjualan rumah maha petak

BAGIAN IV
PENGURUSAN STRATA SEBELUM KEWUJUDAN PERADANAN
PENGURUSAN

Bab 1
Am

7. Pemakaian Bahagian ini
8. Unit syer yang diampunkan

Bab 2
*Pengurusan oleh pemaju sebelum badan pengurusan berama
dibubarkan*

9. Kewajipan dan kuasa pemaju semasa tempoh pengurusan pemaju
10. Pemaju hendaklah membubarkan akam penyenggaraan

Pindaan terhadap Akta 663 merupakan salah satu strategi jangkamasa sederhana Bahagian COB, JPN. RUUPS 2012 telah berjaya disiapkan dengan kerjasama Agensi Kerajaan dan Badan Profesional dan Badan Bebas Kerajaan. RUUPS 2012 ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 November 2012 dan telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 19 Disember 2012. RUUPS ini telah digubal secara komprehensif dengan mengambilkira pemerksaan Pesuruhjaya Bangunan, penyeragaman prosedur-prosedur yang terdapat dalam Akta 663 dan Akta Hakmilik Strata(1985) Akta 318 selain memasukkan proviso berkaitan prosedur dalam kawasan pembangunan bercampur. RUUPS 2012 ini dijangka akan dikuatkuasa mulai tahun 2013.

c) Deraf Peraturan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012

DRUP AHIR (11.12.2012)

AKTA PENGURUSAN STRATA 2012
PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (2013)
SUSUNAN PERATURAN

Peraturan	Deskripsi
BAHAGIAN I - PERMULAAN	
1	Nama dan permulaan kuat kuasa
2	Tafsiran
3	Fi yang ditetapkan
4	Borang-borang
5	Undang-undang kecil
BAHAGIAN II - URUSAN DI DALAM BANGUNAN ATAU TANAH YANG DICADANGKAN UNTUK DIPICAI BAHAGI	
6	Jadual petak
7	Jadual petak yang dipinda
8	Jadual perlu ditandatangani oleh Penuruhjaya

i) Untuk memantapkan pelaksanaan RUUPS 2012, Bahagian COB telah mengambil inisiatif untuk menyediakan dua (2) peraturan yang akan dikuatkuasakan serentak bersama-sama RUUPS. Peraturan tersebut adalah Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) dan Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal). Kedua-dua draf peraturan telah disiapkan dan akan disemak terlebih dahulu oleh Bahagian Perundangan KPKT sebelum dibawa kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan akhir.

DRUP AHIR (11.12.2012)

AKTA PENGURUSAN STRATA 2012
PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (TRIBUNAL) (2013)
SUSUNAN PERATURAN

Bilangan peraturan	Deskripsi
BAHAGIAN I - PERMULAAN	
1	Nama dan permulaan kuat kuasa
2	Tafsiran
3	Bidang kuasa
4	Fi yang ditetapkan
5	Borang
BAHAGIAN II - PERMULAAN PROSIDING	
6	Pernyataan tuntutan
7	Pemfalan pernyataan tuntutan
8	Pernyataan tuntutan hendaklah dimeterai, dib, dan dicatitkan dalam Daftar
9	Penyerahan pernyataan tuntutan
10	Pembelaan dan tuntutan balas

ii) Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal) ini selaras dengan peruntukan penubuhan Tribunal Pengurusan Strata yang telah diperuntukkan dalam Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012. Tribunal yang diwujudkan ini akan menyediakan mekanisme rayuan yang mudah, murah dan cepat berbanding dengan mekanisme rayuan sedia ada.

d) Pengurusan Aduan Berkaitan Akta 663 di Peringkat Kementerian

Bahagian COB, JPN juga telah menerima aduan yang berkaitan dengan pelaksanaan Akta 663. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 1,220 aduan yang diterima oleh Bahagian COB, JPN. Aduan ini melibatkan orang awam dan juga aduan yang diterima di peringkat tertinggi Kementerian termasuk YB Menteri dan Ketua Setiausaha. Dalam hal ini, COB JPN berperanan sebagai mediator dalam menyelesaikan segala aduan yang diterima

e) Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata COB PBT

